

(100 markah)

Jawab **lima** soalan sahaja

Soalan **1 wajib** dijawab dan pilih mana-mana **empat** soalan yang lain.

- 1 (a) Uluhiyyah merupakan salah satu konsep ketuhanan yang Maha Esa .
- (i) Nyatakan pengertian Uluhiyyah. (2 markah)
- (ii) Senaraikan **tiga** konsep Uluhiyyah. (6 markah)
- (b) Al- Quran merupakan wahyu Allah yang tidak ternilai.
- (i) Senaraikan **tiga** keistimewaan Al- Quran ? (6 markah)
- (ii) Nyatakan **tiga** cara berfikir yang menepati wahyu. (6 markah)
- 2 (a) Agama Islam amat mengambil berat tentang ilmu pengetahuan.
- Berikan **dua** contoh ilmu fardu ain. (2 markah)
- (b) Manusia masih memerlukan bimbingan wahyu walaupun mereka telah dikurniakan akal yang sempurna.
- (i) Berikan **dua** sebab mengapa wahyu masih diperlukan oleh manusia. (4 markah)
- (ii) Nyatakan **dua** perkara yang boleh merosakkan akal. (4 markah)
- (c) Murunah menunjukkan bahawa agama Islam itu mudah dan dapat dipraktikkan dalam kehidupan manusia.
- (i) Nyatakan **tiga** kelebihan murunah. (6 markah)
- (ii) Terangkan perkaitan antara murunah dan thabat dalam kehidupan harian berserta contoh. (4 markah)

- 3 (a) Syura adalah sistem pentadbiran yang terbaik.
- (i) Berikan maksud syura. (2 markah)
- (ii) Nyatakan **tiga** bukti sistem syura merupakan sistem pentadbiran yang terbaik. (6 markah)
- (b) Sistem sosial Islam bersifat Rabbani dan mempunyai nilai-nilai luhur tertentu.
- (i) Berikan **tiga** ciri yang membezakan sistem sosial Islam dengan sistem sosial ciptaan manusia. (6 markah)
- (ii) Terangkan **tiga** akibat jika tidak mengamalkan sistem sosial Islam. (6 markah)
- 4 (a) Harta merupakan amanah Allah SWT yang perlu dipelihara dengan baik.
- (i) Berikan pengertian harta. (2 markah)
- (ii) Jelaskan **tiga** cara memperolehi harta secara halal. (6 markah)
- (b) Islam menyuruh umatnya bekerja untuk menyempurnakan keperluan hidup masing-masing.
- (i) Nyatakan **dua** kelebihan bekerja kerana Allah SWT. (4 markah)
- (ii) Jelaskan **dua** keburukan pekerjaan haram terhadap individu. (4 markah)
- (c) Terangkan **dua** langkah untuk menggalakkan masyarakat bermuamalah secara Islam. (4 markah)

- 5 (a) Perundangan Islam ialah peraturan yang diturunkan oleh Allah SWT kepada manusia.
- (i) Nyatakan **empat** sumber perundangan Islam. (4 markah)
 - (ii) Terangkan **tiga** faedah mengamalkan perundangan Islam kepada masyarakat. (6 markah)
- (b) Wajib dan sunat adalah di antara hukum yang telah ditetapkan dalam Islam.
- (i) Berikan pengertian wajib berserta **dua** contoh. (4 markah)
 - (ii) Terangkan **tiga** implikasi meninggalkan perkara wajib. (6 markah)
- 6 (a) Allah SWT menciptakan manusia dan jin adalah untuk mengabdikan diri kepada-Nya.
- (i) Nyatakan pengertian ibadah. (2 markah)
 - (ii) Terangkan **dua** amalan yang boleh merosakkan ibadah. (4 markah)
- (b) Perkahwinan merupakan sunnah Rasulullah SAW dan amat digalakkan oleh Islam.
- (i) Terangkan **tiga** kepentingan perkahwinan terhadap individu muslim. (6 markah)
 - (ii) Nyatakan **dua** cara untuk mengekalkan kerukunan rumah tangga. (4 markah)
- (c) Nyatakan **dua** cara meningkatkan ilmu bagi seorang pelajar. (4 markah)

- 7 (a) Islam menuntut umatnya menyelesaikan masalah kehidupan mereka berdasarkan syariat Islam dalam seluruh aspek kehidupan.
- (i) Berikan **tiga** asas penyelesaian masalah menurut Islam. (6 markah)
 - (ii) Jelaskan **tiga** kelebihan penyelesaian masalah menurut Islam. (6 markah)
- (b) Perpaduan ummah merupakan salah satu matlamat Islam Hadhari.
- (i) Nyatakan pengertian perpaduan ummah menurut Islam. (2 markah)
 - (ii) Berikan **dua** kesan perpaduan ummah kepada negara. (4 markah)
- (c) Tugas dakwah merupakan satu tugas yang mulia.
- Nyatakan **dua** strategi berdakwah yang berkesan. (4 markah)

KERTAS SOALAN TAMAT

